

Penderma organ meningkat

» Kesedaran, tanggungjawab selamatkan nyawa kian meningkat

Oleh Syalikhah Sazili
syalikhah@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Jumlah rakyat negara ini khususnya golongan muda yang mendaftar sebagai pengikrar derma organ semakin meningkat, sekaligus menunjukkan kesedaran serta tanggungjawab mereka dalam menyelamatkan nyawa individu yang memerlukan.

Sejak Jawatankuasa Kesedaran Awam Penderma Organ Kebangsaan diwujudkan pada 1997, sejumlah 235,573 individu sudah mendaftar sebagai pengikrar derma organ menerusi pelbagai kempen dan aktiviti kesedaran yang dianjurkan.

Pengerusi jawatankuasa berkenaan, Tan Sri Lee Lam Thye, berkata beliau kagum melihat peningkatan pengikrar terutama dalam kalangan generasi muda.

"Kami melihat aliran anak muda mendaftar sebagai pengikrar sangat menggalakkan pada setiap kali 'roadshow' diadakan pada pering-



Lam Thye (dua dari kanan) beramah mesra dengan Idris (kanan) dan Mustapha Samian (tiga dari kiri) yang menderma semua organ anaknya yang meninggal dunia akibat kemalangan sambil diperhatikan (kiri) Nurul Shahirah Mustapha dan Halimah pada Majlis Previu Kapsul Rakan Derma Organ HKL, semalam.

BH 9/9/13 MS 8

[FOTO SURIANIE MOHD HANIF]

kat negeri dan daerah.

"Pada setiap program itu, kami menampilkan penderma serta mereka yang berjaya diselamatkan selepas menerima organ yang didermakan.

Masyarakat mula sedar

"Kesedaran yang timbul menunjukkan masyarakat mula sedar kepentingan menderma organ dan saya berharap lebih ramai akan mendaftar bagi membantu menyelamatkan nyawa orang lain," katanya selepas Majlis Previu Kapsul Rakan Derma Organ, di sini semalam.

Berdasarkan statistik Pusat Sumber Transplan Nasional, seramai 432 daripada jumlah

keseluruhan pengikrar derma organ setakat ini sudah menderma organ mereka. Secara purata, jumlah terbabit tidak sampai satu peratus daripada populasi rakyat Malaysia seramai 28.3 juta.

Bagi penderma organ, Idris Muhammad, 41, yang pernah menderma sebahagian hatinya kepada seorang bayi perempuan, 14 tahun lalu, berbuat demikian kerana bukan saja ingin berbakti ketika hidup, malah selepas meninggal dunia nanti.

Simpaty nasib pesakit

Ibu penderma, Halimah Hassan, 43, pula berkata, beliau mengambil keputusan

mendermakan buah pinggang anak lelakinya yang maut akibat kemalangan motosikal pada 2011 kerana simpaty dengan nasib dua pesakit buah pinggang, masing-masing berusia 11 dan 13 tahun yang amat memerlukan organ berkenaan ketika itu.

"Saya ambil keputusan mendermakan organ anak saya walaupun arwah sebelum itu tidak pernah mendaftar sebagai penderma.

"Kini saya sekeluarga juga sudah mendaftar sebagai penderma organ dan kami berharap orang lain turut melakukan perkara sama," katanya.